

PM: Akan **dikeluarkan oleh** Kementerian Perdagangan **dan** Perindustrian sahaja

# CARA MUDAH AMBIL LESEN BERNIAGA

**K**UALA LUMPUR 5 Dis. — Semua lesen perniagaan hanya akan dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja bagi mempercepatkan proses kelulusan perniagaan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, ujar Perdana Menteri, lesen-lesen berbentuk 'perniagaan perjudian' akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

"Kabinet telah meluluskan cadangan ini dua

minggu lalu dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengambil langkah bagi melaksanakan arahan itu," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri lagi, langkah tersebut dipersetujui setelah mendapati sesetengah perniagaan memerlukan banyak lesen seperti industri perhotelan yang memerlukan 63 lesen dan adalah lebih baik hanya satu kementerian sahaja mengeluarkan lesen itu.

Katanya, di peringkat negeri pula, Kerajaan Pusat akan mengarahkan supaya hanya satu agensi sahaja yang mengeluarkan lesen perniagaan supaya kerajaan dapat mempercepatkan lagi proses dan kelulusan cadangan perniagaan.

Mengenai urusan tanah pula, Perdana Menteri berka-

ta. Beliau telah menegaskan dalam mesyuarat hari ini supaya urusan tanah dijalankan dengan lebih cekap dan cepat selaras dengan perkembangan ekonomi pada masa sekarang.

"Fakta penting mengenai urusan tanah ialah supaya tanah yang diperlukan untuk berbagai jenis kegiatan pertanian dan perindustrian hendaklah diselenggarakan dengan lebih cepat dan cekap," katanya lagi.

Menurut beliau, bidang pertanian juga hendaklah diusahakan secara besar-besaran kerana kegiatan pertanian secara kecilan akan merugikan negara.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyarankan supaya syarikat-syarikat kerjasama diwujudkan bagi membolehkan semua pihak mendapat faedah hasil pertanian secara besar-besaran.

**LIHAT MUKA 5**

# AMBIL LESEN

11/11/87 0 DEC 1987

Mesyuarat itu juga berse-  
tujuan membuat sedikit  
pindaan terhadap Akta  
Pembahagian Pesaka Kecil.

Mengenai Perintah Kua-  
liti Alam Sekitar, Perdana  
Menteri berkata, beberapa  
perkara telah dibangkitkan  
dan Kerajaan Pusat berse-  
tujuan supaya kerajaan negeri  
mengkaji semula ke-  
dudukan perintah tersebut  
dengan memberi tumpuan  
kepada sisa buangan atau  
sampah.

Katanya, sebarang pe-  
laksanaan perintah itu ha-  
gaimanapun tidak akan  
membahayakan negara.

Turut hadir di mesyuarat  
itu ialah Menteri Kemajuan  
Tanah dan Wilayah, Datuk  
Dr. Sulaiman Daud. Men-  
teri - Menteri Besar dan  
Ketua Menteri, Menteri  
Perdagangan dan Perin-  
dustrian, Datin Paduka Ra-  
fidah Aziz dan Timbalan  
Menteri Kewangan, Sena-  
tor Farid Ariffin.